

Ketuanan Melayu
CheDet.co.cc
May 16, 2008
By Dr. Mahathir Mohamad

Saya terkejut kerana ada yang berkata saya tidak pun tahu adanya <http://www.chedet.com/>. Saya tahu walaupun website itu disediakan oleh orang yang cekap dalam usaha ini, tetapi mereka membuat atas arahan saya.

Saya tulis sendiri segala yang terdapat di dalam blog ini. Saya juga tulis sendiri semua ucapan dan rencana yang saya sampaikan. Saya tak dapat baca semua komen terhadap blog saya. Tetapi saya cuba.

Saya realist yang pegang kepada kenyataan. Memang Melayu menjadi Tuan dalam Tanah Melayu dahulu.

Tetapi kerana Melayu tidak berusaha melawan penjajah maka di zaman Tanah Melayu dijajah yang jadi “Tuan” dan yang dipanggil “Tuan” oleh orang Melayu sendiri ialah penjajah terutama British.

Kita boleh panggil diri kita “Tuan” tetapi jika kita terpaksa bergantung kepada orang lain dan kita menjadi kuli kepada mereka, memanggil diri kita Tuan tidak bermakna.

Dalam 50 tahun kita merdeka, kuasa politik ada pada kita. Ini membolehkan kita panggil diri kita “Tuan”. Tetapi kita tidak Tuan sepenuhnya. Kita boleh jadi Tuan dengan ertikata yang bermakna jika orang Melayu berkebolehan dan berjaya dalam bidang ekonomi dan sosial juga. Ini boleh dihasilkan jika kita sanggup menuntut ilmu dan segala kemahiran di zaman teknologi tinggi. Tetapi kita amat kurang berusaha kearah ini. Kita lebih suka cari jalan mudah. Biar sahaja orang bekal segala-galanya kepada kita.

Hari ini kuasa politik pun sudah terlepas dari tangan orang Melayu. Dan orang bukan Melayu tidak lagi menghormati orang Melayu dan institusi-institusi Melayu. Segala-gala yang dianggap sebagai hak istimewa orang Melayu disoal dan dicabar. Dan orang Melayu tidak membuat apa-apa untuk menangkis semua ini dan mengukuhkan kedudukan mereka.

Sebaliknya mereka meminta-minta orang tertentu mempertahankan kedudukan orang Melayu. Tetapi ini adalah usaha “passing the buck” kata Mat Salleh, termasuk alasan bahawa semua ini adalah kerana Dr Mahathir yang memerintah 22 tahun dan pilih Dato’ Seri Abdullah sebagai penggantinya.

Nasib orang Melayu ada ditangan orang Melayu. Kita tidak jadi “Tuan” dengan mengungkit sejarah semata-mata. Kita boleh jadi “Tuan” jika kita berani bertindak, kita sanggup menghadapi risiko, kita berusaha untuk menguasai semua ilmu dan kecekapan sehingga tidak perlu bergantung kepada sesiapa.

Penafian hakikat yang nyata dan benar tidak akan menghasilkan apa-apa. Hanya dengan mengakui kita mempunyai masalah yang besar dan kita bertindak untuk mengatasi masalah itu barulah dapat kita tebus balik maruah kita.

Ketika itu tanpa memanggil diri kita “Tuan” dunia akan iktiraf kita sebagai Tuan yang sebenar.

27 Comments

1. [Online Bachelor Degree](#)

December 19, 2009 at 12:46 am | [Permalink](#)

Salam tun..

sebab tu skrg najib buat gagasan 1Malaysia.. sebab org melayu dh x boleh jadi tuan sepenuhnya..

2. [mokaka9195](#)

December 27, 2008 at 9:51 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum... Tidak mudah untuk menjadi TUAN...beberapa perkara perlu dipenuhi dahulu...KEKUATAN EKONOMI...KEKUATAN POLITIK...KEKUATAN MILITER...KEMAJUAN SAINS TEKNOLOGI... Ini semua perlu dipenuhi sama ada satu persatu atau secara sekaligus... Tetapi amat malang, pada pandangan saya perancangan – perancangan yang telah digerakkan kebanyakannya hanya tempelan sahaja...Ini kerana perancangan digerakkan dengan berselindung di sebalik ingin mendapat habuan daripada projek – projek tersebut...Kesannya, pembaharuan yang dirancang dan digerakkan menjadi perlahan dan terbantut masalah kewangan...

Setiap perancangan yang digerakkan perlulah dinilai dan diawasi dengan jujur tanpa mengharapkan habuan melainkan kejayaannya kelak akan dapat dinikmati semua...Tidak ada satu pun perancangan yang dijalankan dapat dinikmati secara mutlak oleh marhaen terbanyak...Ini kerana penggerak – penggerak kepada satu – satu projek kebanyakannya tidak meletakkan kepentingan negara dan bangsa pada tingkat paling atas...Prinsip penuhkan poket sendiri dulu menjadi pegangan...

Pada pendapat saya,pemerintah perlu meletakkan aspek nilai – nilai murni dan moral pada tahap tertinggi bagi memastikan setiap perancangan dan pelaksanaan satu – satu projek dapat digerakkan dengan jayanya dan dinikmati oleh semua masyarakat...Bagaimana melayu hendak menjadi TUAN andainya pemuka – pemuka melayu sendiri menjadi penjajah kepada bangsa melayu sendiri...Bangsa lain kini tidak lagi menjajah bangsa melayu sebaliknya golongan elit melayu kini yang menjajah dan menjadi tuan kepada bangsa melayu dan melayu terbanyak masih menjadi hamba sahaya...

Perubahan dan pembangunan yang telah dijalankan oleh TUN amat saya kagumi...Saya antara insan yang mengagumi TUN...Saya amat berharap sekiranya pendekatan – pendekatan yang telah, sedang dan akan dijalankan

oleh pemerintah dijana dan dirancang dengan sebaik mungkin...Jemputlah mereka yang terlibat secara langsung dalam satu – satu projek itu bagi memahami keperluan sebenar mereka...**JANGANLAH JADI IBUBAPA YANG MENYEDIAKAN KEPERLUAN ANAK – ANAK BERDASARKAN NALURI DAN KEINGINAN IBUBAPA TANPA BERTANYA DAN MEMAHAMI KEPERLUAN ANAK – ANAK ITU SENDIRI...** Inilah yang terjadi dalam negara kita sebenarnya...orang lain yang menyediakan keperluan yang diigini orang lain tanpa bertanya dahulu... Hasilnya keperluan sebenar tidak dapat dipenuhi...**MENGAPA INI TERJADI...**Penuhi poket sendiri dan tak kisah orang dapat apa yang tidak diperlukan....
SEBAGAI SEORANG NEGARAWAN...TUN PERLU MENGUBAH PENDEKATAN DAN CARA YANG DIGUNAKAN OLEH PEMERINTAH KINI DALAM MENJALAN SEBARANG PROJEK PEMBANGUNAN...
Sekian...

3. *mat*

December 3, 2008 at 4:25 am | [Permalink](#)

Asalmualaikum dan salam sejahtera, adalah di harap apa yang saya tulis ini dapat menjadi renungan bersama. Segala tulisan saya di sini adalah sekadar berkongsi padangan saya sahaja. Tiada niat menghasut, menuduh dan sebagainya. Sekadar bertukar idea. Saya bukan seorang wartawan. Jauh sekali seorang ahli politik. Bahkan ini kali pertama saya menulis di dalam mana-mana blog, saya sekadar insan biasa beragama Islam dan berbangsa Melayu yang cintakan perdamaian dan keaman.

Berkaitan pernyataan williamhoo81, bagi diri saya, mengucapkan terima kasih kerana nasihat atau komen yang anda beri. Bagus komen, sebab itu menunjukkan semangat perpaduan dan setia kawan masyarakat berbilang bangsa kita di Malaysia yang masih saya rindui semasa pemerintahan Tun Dr Mahathir. (.. Kawan yang baik selalu komen keburukan kita)

Tapi bagi diri saya. Saya juga bersetuju dengan pendapat Ainaq dia kata semacam terdapat diskriminasi syarikat orang Cina kepada pekerja Melayu. Saya tak menyalahkan sesiapa. Namun, memanglah, kalau boleh saya harap orang Cina tolerate sikit dengan orang Melayu sebab kita bangsa yang berbeza. Itulah sebabnya orang Cina beranggapan orang Melayu tak cekap dan sebagainya. Sebab orang Cina ada perspektif mereka sendiri melihat apa juga hal seperti pekerjaan, peniagaan dan lain-lain.

Begitu dengan orang Melayu, ada perspektif mereka sendiri terhadap apa hal-hal. Tetapi terdapat semacam satu pandang yang kurang manis dari sesetengah orang Cina yang memandang rendah kepada orang Melayu. Sepatutnya tidak jadi begitu. Selama 22 tahun Tun Mahathir memerintah, Tun Mahathir telah menanam, menerapkan dan menyebarkan semangat perpaduan, toleransi, bantu-membantu dan kerjasama kepada kita sebagai satu bangsa yang dikenali sebagai bangsa Malaysia. Di sini ingin saya bertanya adakah apa yang dilakukan oleh Ybng Tun itu sekadar tipu helah kepada masyarakat Cina. Ataupun ia benar-benar hasrat Tun Mahathir bagi memastikan negara

Malaysia ini kekal aman, stabil dan makmur.

Dalam hal ini, jika kita semua masyarakat Malaysia renung jauh-jauh. Adakah mungkin kita akan selalu dapat hidup bergandingan semacam di zaman Tun Mahathir dahulu. Sehingga beraya pun kita boleh bersama. Xongsi Raya lah...Depa Raya lah dan sebagainya, sekiranya kita tidak menjalinkan lagi semangat toleransi, perpaduan dan kerjasama antara kita kaum-kaum di Malaysia.

Berkaitan perspektif kaum Melayu atau kaum Cina yang saya maksudkan di atas saya ambil contoh, ada kah mungkin mana-mana orang Cina boleh jadi seperti Tun Mahathir seperti yang kita kenali pernah di anggap sebagai seorang jaguh negara-negara membangun. Setakat umur saya 30an ini saya belum dengar mana-mana perdana menteri negara-negara seperti Hong Kong ke, Taiwan ke, Singapura ke ... yang berjuang untuk negara-negara membangun malahan negara-negara lain pun TAKDA. Melainkan Tun Mahathirâ | seorang yang beragama Islam dan berbangsa Melayu. Yang saya dengar cuma bagaimana indek pasaran saham Hong Kong menokok, menurun dan sepeertinya. Takda masa nak memikir tentang orang lain. Itulah maksud saya tentang perspektif yang berbeza itu. Tun Mahathir seorang sahaja sudah cukup untuk kita melihat cara pemikiran atau perspektif yang berbeza antara cara pemikiran orang Melayu dan cara pemikiran orang Cina.

Jadi bukanlah maksud saya, nak kata mana baik atau mana yang buruk. Yang saya maksudkan, orang Melayu juga punya kelebihan dan ini tidak dapat dinafikan oleh orang Cina mahu mana-mana bangsa di dunia kerana Dr Mahathir telah membuktikannya.

Apa yang berlaku dengan parti-parti politik sekarang ini tidak penting. Apa yang lebih penting bagi saya adalah seperti yang saya perkatikan tadi semangat perpaduan, toleransi, bantu-membantu dan kerjasama antara kaum. Semangat ini yang telah mengaman, memakmurkan dan seterusnya memajukan negara kita di era pemerintahan Tun Mahathir atau dulu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jika kita ambil situasi sekarang, para peniaga menaikkan harga barang. Demi perpaduan, keamanan dan kesejahteraan Malaysia ini, apa salahnya para peniaga atau sesiapa pun seperti pembekal dan pengeluar menurunkan semula harga barang seperti sebelum kenaikan harga minyak dahulu. Mungkin pemimpin masa itu kurang pasti dengan apa yang di buat lalu menaikkan harga petrol. Mungkin ia satu kesilapan. Jadi dengan semangat Malaysia, para peniaga mungkin boleh menurunkan semula harga barang seperti semasa sebelum kenaikan harga minyak petrol. Inilah sumbangan para peniaga ke arah Malaysia yang aman, sejahtera dan makmur.

Kenaikan harga barang menekan kepada keseluruhan masyarakat terutama mereka yang berpendapatan rendah. Nak makan pun susah.

Itu pun menjadi masalah kepada kita. Dah lah kita menghadapi krisis ekonomi dunia. Kita pula masyarakat Malaysia tak bersatu padu dalam menghadapinya, malahan bercakaran sesama kita Masyarakat Malaysia. Itu menyebabkan negara sekarang menjadi kurang stabil lah rasanye.

Sebenarnya, saya amat mengkagumi Tun Dr Mahathir dan menyayanginya atas segala yang telah beliau sumbangkan kepada saya secara tak lansung. Walaupun saya seorang yang pro Tun tapi saya menyanjunginya bukan tanpa sebab, tetapi saya menyanjunginya kerana kesabaran dan kesungguhan Tun untuk memperjuangkan nasib orang Melayu dan pada masa yang sama

menyatupadukan rakyat Malaysia.

Bagi pandangan Tun berkaitan Ketuanan Melayu, memang benar kenyataan Tun itu. Usaha orang Melayu akan memastikan Ketuanan Melayu. Tapi pada diri saya Ketuanan Melayu sampai bila-bila pun tidak dapat di pandang sepi setelah melalui era pemerintahan Ayahanda Tun walau macamana orang cuba menjatuhkannya. Ini kerana Tun telah membuktikan Ketuanan Melayu itu berjaya di era Tun. Kerana di era Tun lah menjadi contoh tauladan, kayu ukur atau rujukan tentang bagaimana Ketuanan Melayu itu berjalan. Ikut seperti pemerintahan Tun automatik akan Ketuanan Melayu berjalan. Orang Melayu perlu kembali ke landasan yang betul. Sekian
Ya Allah Berilah Kesejahteraan Kepada Tun Mahathir

4. [*zairyou*](#)

December 2, 2008 at 1:24 pm | [Permalink](#)

Salam Tun

I am not agitated by the term “Ketuanan Melayu” because I am more interest in the content rather than the term or title. It is your good intention to improve the Malay status in academic field ,economic field and social field and ask them to be the master of their destiny.

Why at this time of financial we still engaged ourself in non productive discussion , we should rather focus more of our attention on way to resolve economic problems caused by the world financial turmoil.

Malaysian chinese has never challenged the right of others nor deprive the right of others. We respect ourself at the sametime we respect other. From the earlier day when our ancestor landed in this land we had started to accept the ketuanan Sultan tanah Melayu.All this while we have highest regard to king and sultan.We respect, local people , keramat (Dato Kong).We are people who want to live in harmony with others, unlike colonialist who had sidelined the Red Indian in USA.All this good value are good things that we had inherited from our ancestors. To ensure all this good values persist , chinese stream school must exists to prosper unity.

5. [*princeqm*](#)

November 15, 2008 at 9:28 pm | [Permalink](#)

Salam Yg Berbhgia Tun,

Saya tertarik bila tun memperkatakan ttg ketuanan melayu. Dulu waktu tun jadi PM, idea tun untuk menaikkan taraf org melayu memang sy sokong tapi ade yg katakan kronisma berlaku. Pada pendapat sy tak kira sapa pun yg dipilih oleh tun untuk maju, janji org melayu, agama islam. Tapi sayangnya, cuma sedikit je yg berjaya dan paling parah sekali bila Melayu tersebut mudah lupa asal usul kejayaan mereka.

DSA sebagai pemimpin contoh dari hasil usaha tun, bila menjemputnya masuk UMNO, padahal dia org yg kuat membangkang bila di luar dulu (sebelum dlm UMNO & selepas diluar UMNO). Apa yg sy risau adalah kiranya jatuhnya BN, (PRU12 hampir2), kita mungkin ada pemimpin melayu tapi untuk sementara dlm parti tersebut, lepas itu mungkin tiada lagi(jadi S'pore- tiada org melayu dlm pemimpin tertinggi.)Dlm UMNO sekarang pun, sy lihat tak berapa stabil, peralihan pucuk pimpinan tak jadi masalah, tapi bagi timbalan, naib presiden, ketua UMno, ketua wanita (paling teruk) tak begitu cantik dipandang. Tamak jawatan timbul dihati org melayu. Yg patut bersara, masih nak pegang. Kenapa wujudnya perkara begini dlm parti yg kita anggap menjaga hak org melayu??? Sedih bila terjadi. Syg tun tiada kuasa dlm UMNO, tapi apa yg tun boleh buat. Harap2 tegur lah dia org.

6. *jebatbertuah*

November 13, 2008 at 12:07 pm | [Permalink](#)

salam tok det,...

1-Tiada gunanya manusia itu menjawat sebagai ketua penerangan umno-pertubuhan orang melayu di tanah melayu ni.... sekiranya dia langsung tak faham apa tugasnya sendiri.Ramainya orang melayu di malaysia ni tak terkira, tapi penerangan UMNO tetap tak berjalan.TIDOR KE DEPA NI SEMUA?? TQ.

7. *jebatbertuah*

November 12, 2008 at 5:32 pm | [Permalink](#)

SALAM TOK DET,

1-KEADAAN UMNO TIDAKLAH SUKAR UNTUK DIPERBETULKAN KEMBALI SEKIRANYA PIHAK2 YANG DEKAT DENGAN AKAR UMBI MENJALANKAN KERJA KERJA YANG SEPATUTNYA DILAKUKAN.UMPAMANYA... DANA DANA HARUSLAH SAMPAI KETANGAN SEPATUTNYA.

2-PROGAM BERSAMA GENERASI MUDA HARUS DIPERBANYAKKAN. PENERANGAN TENTANG APA ITU 'UMNO' PERLU DILAKUKAN SEGERA.

3-RATA RATA SAYA BUAT UJIKAJI DAN SELIDIK SELIDOK... RAMAI ANAK ANAK GENERASI MUDA MELAYU..TIDAK TAHU MACAMANA HENDAK MEMASUKI PERTUBUHAN INI YANG 100% UNTUK BANGSA MELAYU.

4-KERENGANGAN GENARASI MUDA YANG TIDAK TERBABIT DALAM PERTUBUHAN INI MEMBUATKAN PERTUBUHAN UMNO GOYANG SEKETIKA NI.BARISAN PELAPIS TIDAK ADA....

5-BARISAN LAMA ..MUKA UMNO YANG LAMA MACAM DATUK

ZAID... SETELAH KENYANG... BANYAK DUIT(DALAM HATINYA LER YANG BERKATA) NAK BERAMBUS..PASAL PERUTNYA DAH KENYANG.ORANG MACAM INI ADALAH ORANG YANG KEJI DAN HINA... -LEPAS PERUT DIA SENDIRI.

6-PROGRAM UNTUK BERSAMA RAKYAT PERLU UNNTUK MENYATUKAN KEMBALI DAN MENAMBAH KEKUATAN PERTUBUHAN UMNO.

7-SAYA MENYATAKAN SEDEMIKIAN RUPA KERANA SAYA DUDUK DIAKAR UMBI PERTUBUHAN UMNO INI.....- JADI TOLONG IKUT CAKAP ORANG AKAR UMBI PULA...YER...TOK DET.... SEKIAN

8. *jebatbertuah*

November 10, 2008 at 6:35 pm | [Permalink](#)

Salam tok det...

Presiden MCA kaitkan Obama dengan isu PKNS

KUALA LUMPUR 6 Nov. – Presiden MCA, Datuk Seri Ong Tee Keat hari ini berkata, sudah sampai masanya bagi rakyat Malaysia membebaskan diri mereka daripada belenggu isu perkauman.

Dengan mengambil Barack Obama, yang dipilih sebagai Presiden kulit hitam pertama Amerika Syarikat, sebagai contoh, Ong berkata: “Sedihnya di Malaysia, kita masih berbalah dalam soal remeh berhubung pelantikan seorang wanita Cina sebagai Pemangku Pengurus Besar, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

“Sudah sampai masanya bagi kita membebaskan diri melakukan sesuatu perkara secara ortodoks. Di Amerika Syarikat, ia mengambil masa lebih 200 tahun bagi seorang lelaki kulit hitam untuk dipilih sebagai presiden di sebuah negara yang dikuasai orang kulit putih.

“Ironiknya, rakyat di Malaysia, yang bersorak untuk Obama tidak berfikir bahawa seorang wanita Cina itu layak menerajui PKNS, kata Ong yang juga Menteri Pengangkutan, dalam satu kenyataan di sini.

Ong berkata, reaksi daripada sesetengah ahli politik daripada kedua-dua belah pihak kerajaan dan pembangkang berhubung pelantikan itu menunjukkan bahawa mereka masih lagi berada di dalam kepompong perkauman mereka sendiri.

komen ramai orang...

hehee aku hairan sungguh..apa kena mengena obama dengan malaysia..!!

kalau nak sama kan obama dan osama ada juga logik nya!!

hehehe ..kalau faktor obama nak jadi kan asas..aku kira elok mereka lihat apa jd kaum2 lain kat indo atau kat singapura atau kat thailand!!

hehe tak kan lee...sebab obama ..struktur politik melaysia pun boleh berubah??? bodooooooooooooooooo!!!!

hehe hidup bangsa!!!!!!!!!!

2-

Konrad's father Howard Ng was born in Sandakan and married his mother, Joan from Kudat. Howard and Joan then moved to Canada where Konrad Ng

was born there. Though Konrad is a Canadian, his parents are Malaysian (or maybe ex-Malaysian).

Konrad then married Maya Soetoro, a half-sister to Obama. Maya was born to Lolo Soetoro, an Indonesian businessman, and Ann Dunham, a white American cultural anthropologist, who is also Obama's mother.

That gives Obama not only one but two links to Asia, i.e. Indonesia and Malaysia.

3-

Dengar Sini Semua !!!!

Obama Malaysia adalah Tun Dr. Mahathir sebenarnya !!

Iaitu antara kacukan muslim melayu & india yang telah berjaya menjadi Perdana Menteri merangkap pemimpin yang paling berkuasa dalam negara.

US dah ketinggalan zaman.... Malaysia dah buat sejak 25 tahun yang lalu iaitu sejak 1981 lagi..... means 24 tahun selepas merdeka.

Syabas Malaysia.

Cuma gen Tun Dr. Mahathir lebih kuat melayu dari India.

Obama ? Gen negro lebih powerful

4-

depa ni memang bangsa bangsat dan tak kenang budi.....

depa tak peduli apa yang termaktub dalam perlembagaan.....

depa buat tak dengar apa titah raja-raja melayu.....

depa buat tak nampak nasihat raja-raja melayu.....

depa ni bangsa cina dan india langsung tidak mendengar serta tidak memandang seruir saranan raja-raja melayu walaupun dah berkali-kali sehingga hari ini diingatkan..... depa ni memang tak respect orang melayu dan raja-raja melayu.....

lebih sedih bila orang melayu yang bela, dokong dan sokong pengkianat bangsa, negara dan raja-raja melayu.....

.....wahai pemimpin atau ngo diluar sana yang bernaung di atas nama melayu..... buat laporan polis bila setiap kali di sentuh perihal melayu (bahasa, bangsa, adat) dan islam..... kerana mereka menentang kebenaran dan kemamanan negara serta kesucian agama islam. kerana sehingga saat ni masih mengaitkan hak kemelayuan dan islam....

5-

hehe.....yg disuruh terbuka cuma hak melayu...hak2 mereka tak de pula nak dibuka kepada melayu!!

hehehe..apakah selama ini melayu pegang tu semua kaum2 lain tak leh cari makan??? apakah mereka itu lebih miskin dari melayu???

hehehe bila melayu ada 70%. apakah nilai harta melayu juga 70%???

hehe aku harap jangan dok desak sangat melayu memberi sedang kan ..yg meminta tu tak pernah melihat diri mereka sendiri..betapa untung n ya mereka di bumi bertuah ini!!

heheh jangan dok ingat bila melayu asyik tak pa...tak paa...maka depa ingat kepal kita boleh dipijak????

heheh hidup pijak!!!!

6-

JGN NAK MARAH SGT KAT DIA..

SBB SEMALAM SIBEDOLAH KAN DAH KUAR STATEMENT..TAK MUSTAHIL KAUM MINORITI JD PM KAT MESIA NI..

SO..KEPALA HOTAK PALING ATAS DAH CAKAP GITU...YG BAWAH

NI FOLLOW JER LAR

7-

Assalamu'alaikum & Salam Sejahtera.

Ya, kita memang boleh agak akan mesti ada si BUKIT2 yang akan perasan. Hakikatnya, LEBIH 232 TAHUN, barulah orang2 kulit hitam dapat menjadi Presiden.

Malaysia adalah negara yang masih MUDA & kita sedang mengharungi liku2 negara berbilang kaum.

Dan, majoriti rakyat bukan Melayu (cina2 BUKIT terutamanya) yang ada sekarang inipun, MASIH lagi tersombong2 untuk menghormati Perlembagaan Negara kita & juga, RAMAI dari mereka yang LANGSUNG TIDAK MAHU mengerti Sosial Kontrak yang datuk-nenek mereka sendiri dengan Rela Hati Setuju Akur & terus sokong.

Jadi, diharap MULAI dari Obama ini, MEREKA akan melihat Dalam Diri MEREKA Sendiri sebelum terkecoh2 SEBOK Asyik NAK-NAK-NAK 24 JAM!!! Ask not what the country can do for you, ask what you can do for your country!

Btw, dari kemenangan ini juga kita dapat lihat kuasa Allah SWT yang Maha 'Adil dimana, Obama orang "kulit hitam" itu BUKANPUN dari keturunan hamba abdi matsalleh2 tu.

Dia keturunan terus dari Africa tempat matsalleh2 tu ambik untuk jadi slaves; & sekarang ini, orang dari sana jugalah yang mereka "ambil" untuk jadi Presiden mereka. WALLAHU'ALAM.

PENDATANG SEDAR MALAYSIA MAKMUR!

9. *kasturi bukit enterprise*

November 9, 2008 at 11:42 pm | [Permalink](#)

Salam Tok det,

1-TOLONG MANTAPKAN KEMBALI PERTUBUHAN YANG MEMBABITKAN ORANG MELAYU.

2-SEMAKIN RAMAI BAKAL GENERASI... TIDAK TAHU ...APA ITU UMNO.

3-PERTUBUHAN UMNO TIDAK ADA MEMBERI APA APA MAKNA ATAUPUN FAEDAH...SELAMA MEREKA HIDUP.

4-PERBEZAAN JURANG ANTARA MELAYU AMAT KETARA... YANG KAYA DENGAN YANG KAYA DAN YANG MISKIN DENGAN YANG MISKIN

5-NILAI NILAI MORAL TIDAK ADA LAGI DITERAPKAN...SEPERTI DAHULU ADANYA RUKUN TETANGGA.

6-GEJALA SOSIAL MAKIN BERTAMBAH KERANA PIHAK YANG SEPATUTNYA MEMANTAU... TIDAK MELAKUKKAN SEPERTI YANG PATUT DILAKUKAN

7-KEDAI JUDI BERSEPAH SEPAH DIKUALA LUMPUR NI ...DENGAN MENGGUNAKAN INTERNET....TIADA SIAPA AMBIL PEDULI...

10. *kasturi bukit enterprise*

November 6, 2008 at 12:46 am | [Permalink](#)

Nasib orang Melayu ada ditangan orang Melayu. Kita tidak jadi “Tuan” dengan mengungkit sejarah semata-mata. Kita boleh jadi “Tuan” jika kita berani bertindak, kita sanggup menghadapi risiko, kita berusaha untuk menguasai semua ilmu dan kecekapan sehingga tidak perlu bergantung kepada sesiapa.

Salam tuk det,...

1-Saya memang sokong habis habisan pernyataan tun seperti diatas...

2-Memang kita orang melayu berkhayal yang kita adalah tuan sejak dahulu kala walaupun kebanyakan orang melayu bekerja sebagai kuli.

3-Memang ramai orang melayu kita tidak sanggup mengambil risiko kerana telah didik oleh ibu bapa supaya dah habis belajar...kerja dengan kerajaan,... terjamin.... tak ada risiko.... dll

4-bergantung satu pernyataan yang amat sensitif...hahahaha..

5-NASIB ORANG MELAYU MEMANG BERADA DITANGAN ORANG MELAYU SENDIRI.SEBAGAI CONTOH... TOK DET...

ATOK DET TELAH MENJAJA NAMA NEGARA KE SERATA ALAM.MEMBINA BERBAGAI BAGAI JENIS,RAGAM,BENTUK BAGUNANAN DI MALAYSIA.CARA ATOK DET MEMPROMOSIKAN MEMANG BETUL DAN BAIK UNTUK NEGARA PENGURUSAN MELAYU INI, TETAPI, PENGKHIANAT BANGSA ,NEGARA DAN TANAH AIR... YAKNI MACAM TINGKAT 4 JPM TU... YANG MEMBUATKAN RAMAI ORANG MELAYU MENDERITA KERANA DANA DANA ATAUPUN SEGALA MACAM YANG SEPATUTNYA DIRASAI OLEH GOLONGAN BAWAHAN TIDAK DAPAT DIRASAKAN. SEMUANYA KENA CURI OLEH GOLONGAN YANG BERADA SEPERTI DI TINGKAT 4 TERSEBUT.

6-SAYA BERDOA DATO HAJI MUKHRIZ ANAK ATOK DET.. AKAN PASTIKAN... PENGKHIANAT...PENGKHIANAT SEPERTI DI TINGKAT 4 TERSEBUT JANGAN BERKHIDMAT UNTUK KERAJAAN LAGI.MEMANG HINA SEHINA HINA NYA...KALAU AMBIL HAK RAKYAT.... DAN SEMESTINYA TAK CUKUPSAHAJA, KERANA DAH BENDA HARAM... AMBIL HAK ORANG... MEMANGLAH TAK CUKUP JE MANJANG

7-ALI BABA BANYAK BERLAKU... KERANA SOGOKAN WANG DARI BANGSA YANG TIDAK PERNAH KENAL ERTI HALAL HARAM....PUNCA KEJATUHAN AIR MUKA DAN SETERUS...NYA...MUKA PUN TAKDA.... DAN JATUHLAH ...KETUANAN.(PASAI TUAN DAH TAK BETUI)

11. *kasturi bukit enterprise*

November 4, 2008 at 11:01 pm | [Permalink](#)

SALAM TUN, KETUAN MELAYU ZAMAN KESULTANAN MELAYU MELAKA PASTI AKAN BERULANG....
SAYA DAPAT MERASAKANNYA... INSYAALLAH sbt.
salam TUAHSIJEBAT

12. *xinninglee*

October 13, 2008 at 11:46 pm | [Permalink](#)

Dear Tun,

Still remember your controversial book entitled 'The Malay Dilemma' where you actually pointed out some very real mindset issues which hampers the progress of malays? I'm sure you do and I salute you for your guts by pointing it out, albeit out of frustration. Who else has the guts to tell off their very own people. During yr time as PM, you have off and on, during yr many speeches, tried to inculcate good universal values, mainly to malay audiences be it ministers or people from kampung. Have they listen? or tried?

Today, can you find any malay leader who has the guts and passion to do the same, unless they are on the way out. I'm pretty sure there are many glocal malays, so called the middleclass or upperclass by now, would just choose to be quite (albiet their western education) and enjoy the perks being a priveleged group, at the expense of the not priveleged or the country. Yes, Malaysia is the victim actually.

The entire country is in slow motion b'cos some people just prefer to take things easy and not work hard. Malaysia is a very rich and safe country and we shld be better if people who managed Malaysia since Merdeka, managed like a pro with high entrepreneurship and of course, positive social engineering. You did only the hardware, Tun. Can you imagined what will Malaysia will be today if we did that? I'll leave this answer to all who read this.

I can't imagine what will happened to the not so priveleged if the priveleged ones start to think and work hard at the expense of all taxpayers.

I guess the underpriveleged will then be working overtime watching 'Survival' Survived they will cos they have to eat, feed their family, provide good education to their children (maybe yes, maybe no) It takes one's entire life to provide just that for one family to the next. That's what it takes, even though one have to sell pirated VCDs at pasar malam or become the modern immigrants of the 18th century once again, out of survival.

Malaysia's social engineering have failed somehow. Today, we still have people who still shouts (without blinking an eye) about fighting for their rights, which already is enshrined in our constitution. Who on earth can possibly take that away, moreso without political 'ketuanan'.

May I ask Tun, what are our elected ministers job scope? To manage a country for the better of all malaysians or to be glorified as a hero, fighting for something already guaranteed.

Working hard is defined differently by different cultures. If we are to work in a first world, we work doubly hard to prove that we are hardworking and

skilled. Nothing is free. If one fails to see one's own weakness, when then, you don't improve. Don't make excuse.

I wished the privileged will remain in clutches (Tun's very common phrase) so that the under privileged will survive. My apologies for the pun. Honestly, I want to see all Malaysians, Malays, Chinese, Indians, Sabahans, Sarawakians and our orang 'original' to be proud of a FIRST WORLD MALAYSIA WITH FIRST WORLD MENTALITY.

We boleh one. mahu tak mahu saja ma!

13. *Ainaq*

September 30, 2008 at 10:50 am | [Permalink](#)

'Bumis won't hit equity wealth target at current growth pace'

Bumi problem is structural rather than poor performance as reason often given. DEB has function well and Bumi have move magnificently from unschool ignorant kampong boys and girls to climb professional field, business even cooperate. We should be proud but not satisfied of our achievement in 30 years what other races has lay out foundation for 200 to 300 years of opportunity, wealth accumulation and trade networking so strong that it has become a monopoly.

